

UMS cipta kaedah pantas kesan formaldehid dalam ikan

PT 5.8.2013

KOTA KINABALU: Sekumpulan penyelidik dari Universiti Malaysia Sabah (UMS) mencipta kaedah yang dapat mengesan kehadiran formaldehid berkadar rendah pada ikan dalam tempoh lima saat dengan 99 peratus ketepatan. Penyelidik kanan di Institut Penyelidikan Bioteknologi UMS Dr Md Shafiquzzaman Siddiquee berkata kaedah sedia ada mengambil masa sehari.

"Penyelidikan ini dilakukan oleh pelajar tahun akhir kita yang sedang mengikuti program sarjana muda," katanya kepada Bernama di sini.

Menurut Md Shafiquzzaman, formaldehid merupakan bahan awet yang diguna untuk menjadikan ikan segar tahan lebih lama namun boleh membahayakan kesihatan manusia.

Katanya berdasarkan Akta Peraturan-peraturan Makanan 1985, kadar formaldehid yang dibenarkan untuk makanan segar ialah lima mikrogram bagi setiap gram.

"Apabila diguna berlebihan, bahan ini berbahaya jika dimakan oleh manusia dan boleh menyebabkan kanser jika dimakan untuk jangka masa yang lama seperti dibuktikan menerusi kajian Agensi Penyelidikan mengenai Kanser (IARC)," katanya.

Mengenai kaedah yang dihasilkan oleh UMS, beliau berkata berbanding kaedah sedia ada yang memerlukan penggunaan makmal, penyelidik UMS menggunakan biosensor berasaskan 'electrochemical' yang dapat mengeсан formaldehid dengan pantas. — Bernama